

D. Pilih kata perintah yang betul untuk menyampaikan permintaan. Kemudian, tuliskan. (8%)



1. "Herina, _____ hidangkan kuih-muih ini di atas meja makan," kata Puan Suria.

jemput

tolong



2. "_____ edarkan risalah tentang kepentingan zat makanan ini kepada rakan-rakan kamu," kata Cikgu Suzan kepada Kai Chun.

silalah

minta



3. "_____ semua bersabar. Susu kotak ini cukup untuk semua," kata Aznan kepada rakan-rakannya.

minta

usah



4. "Nisah, _____ berikan risalah tentang kebaikan susu ibu ini kepada ibu kamu," kata Puan Devi.

jangan

tolong

E. Baca dan garisi perkataan berimbuhan apitan yang betul. (8%)

1. Ibu telah selamat melahirkan adik di salah sebuah hospital yang terletak di ibu kota.
2. "Ada banyak kebaikan susu ibu kepada bayi," kata jururawat itu kepada Puan Halimah.
3. Puan Mei Lan pergi ke klinik desa berhampiran dengan rumahnya untuk menimbang berat anaknya yang masih kecil itu.
4. "Saya akan sentiasa berdoa kepada tuhan agar adik saya diberi kesihatan yang baik," kata Fan Li.